



# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 13 FEBRUARI 2024



Disediakan Oleh :  
Cawangan Komunikasi Korporat



# TAJUK BERITA

- 1. SEMAK SEMULA LESEN BERAS SYARIKAT BESAR - UTUSAN MALAYSIA**
- 2. BIOTEKNOLOGI PENYELAMAT CABARAN KESELAMATAN MAKANAN - UTUSAN MALAYSIA**
- 3. IPR-INTAN@UPM : BEKAL ILMU PERNIAGAAN TANI - UTUSAN MALAYSIA**
- 4. PANASNYA PERLIS, SUHU CECAH 39 DARJAH CELCIUS - UTUSAN MALAYSIA**
- 5. TALAPIA MISKIN TEGAR - HARIAN METRO**
- 6. MAHA BUFFET SAJA 200 MENU LAZAT - KOSMO**



**Kampung Baru Cina tiada nilai budaya untuk ditonjolkan »16**

**Klinik 'kobo'i' jual MC serendah RM20 »8**

**WAWANCARA DR. ZAMBRY ABDUL KADIR**

**KPT fokus cabaran baharu mahasiswa, IPT »14 & 15**

# Utusan Malaysia

## Pinda Perlembagaan?

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**PETALING JAYA:** Kerajaan digesa mengemukakan usul rang undang-undang (RUU) pindaan Perlembagaan Persekutuan jika mahu menjelaskan kedudukan bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah, sekali gus mengelakkan krisis perundungan antara dua mahkamah tersebut. Ini ekoran pada masa ini kuasa dimiliki mahkamah sivil dan

Jelaskan bidang kuasa mahkamah sivil dan syariah, elak pertindihan, krisis perundungan

Mahkamah Persekutuan membuat tafsiran berlandaskan pendirian hakim. Bagi beberapa peguam, kewajarnya memindahkan perlembagaan juga bagi mengelakkan pertindihan kuasa dan 'campur tangan' antara Mahkamah Persekutuan ke atas Mahkamah Syariah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar berkata, kerajaan wajar memindahkan kuasa pengecualian pada Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) Butiran 1, menjelang mesyuarat Dewan Rakyat mulai 26 Februari ini.

Beliau berkata, takrifan jenayah dalam Jadual Kesembilan hendaklah tidak termasuk kesalah jenayah syariah bagi orang Islam, kerana maksud jenayah dalam hukum sivil dan syariah mempunyai pengertian berlainan. "Perbezaan yang ketara dalam hal tafsiran peruntukan undang-undang jenayah mahkamah sivil dan syariah menuntut kepada pindaan Perlembagaan segera. Ini bagi menjelaskan kuasa yang ada pada mahkamah sivil dan syariah."

"Oleh kerana kuasa yang ada sekarang tidak jelas, Mahkamah Persekutuan terpaksa membuat tafsiran mengikut pendirian hakim. Kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) mengguball undang-undang Islam berkaitan jenayah seperti dinyatakan dalam Perlembagaan juga tidak jelas."

**Bersambung di muka 2**

**Cari rezeki**

PENDUDUK kampung mengutip hasil yang diperolehi ketika melakukan aktiviti menarik pukat darat sewaktu tinjauan di Pesisir Pantai Mengabang Lekor, Batu Rakit semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

**Bersambung di muka 3**

## Semak semula lesen beras syarikat besar

Oleh AIMAN ALI  
[aiman.ali@mediamulia.com.my](mailto:aiman.ali@mediamulia.com.my)

**PETALING JAYA:** Cadangan kerajaan untuk menyelaraskan harga beras tempatan dan import tidak akan menyelesaikan isu kartel, namun perlu menyemak semula penguatkuasaan lesen dan kawalan harga oleh kilang besar terhadap kilang kecil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Musonnef Md. Radzi berkata, langkah menyelaraskan harga bagi beras tempatan dan beras import adalah baik namun tidak akan menyelesaikan isu kartel.

**Bersambung di muka 3**

# Semak semula lesen beras syarikat besar

## Dari muka 1

“Saya rasa dari segi harga baik sahaja dan tiada masalah. Kami menyokong langkah itu bersesuaian dengan kami yang bekerja di sawah.

“Namun, walaupun harga meningkat tetapi tidak akan selesaikan isu kartel beras. Pengawalan harga beras dan penggunaan lesen oleh kilang besar perlu disemak semula oleh kerajaan,” katanya.

Terdahulu, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bercadang untuk menyelaraskan harga beras tempatan dan import bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri beras.

Cadangan itu bakal menyaksikan harga beras tempatan yang kini dijual di pasaran RM26 bagi setiap 10 kilogram akan meningkat kepada sekitar RM30 hingga RM33.

Tambah Musonnef, pihak berkuasa yang tidak mengawal pembelian beras oleh pengilang besar punca berlakunya mereka membeli beras tanpa had dan kuota.

“Kerajaan perlu mewujudkan kuota untuk pembelian beras tempatan. Apabila pengilang besar mempunyai kuasa, mereka secara tidak langsung menentukan harga kepada pengilang kecil dan bukannya kerajaan.

“Selain itu, lesen kilang ada had muatan sahaja dan tiada



PEKERJA kilang memunggah beras import yang dibekalkan di sebuah kilang pemborong beras di Setiu, Terengganu, baru-baru ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

had pembelian. Jadi, jika tidak dikawal lesen, kilang yang kecil akan terhapus dan dimonopoli,” katanya.

Katanya, ketika ini bukanlah penyelarasan harga yang perlu diberi fokus tetapi kawalan kuota kepada kilang.

“Kerajaan perlu membuat kawalan kuota kepada semua kilang untuk membeli padi tempatan. Sebagai contoh,

setiap kilang kecil beli 10,000 metrik tan dan 30,000 metrik tan untuk kilang besar. Apabila kilang besar tidak cukup, maka mereka boleh pula membeli daripada kilang kecil pada harga sama,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengagihan padi di dalam industri ketika ini terjejas akibat dikuasai kilang besar.

“Mereka menguasai hampir

80 peratus pengagihan padi dan juga mempunyai rantauan sawah, kilang pemborong dan peruncit.

“Pada masa sama, mereka menguasai padi benih oleh kerajaan atas proksi kilang lain. Jika kerajaan tidak menjalankan usaha untuk mengharmonikan antara kilang besar dan kecil maka ia akan memberi kesan,” katanya.



ambar melalui forumutusan@mediamulia.com.my atau ☎ 019-990 0761 **Forum**

**BIOTEKNOLOGI** muncul sebagai penyelamat yang mampu menawarkan penyelesaian inovatif untuk memastikan keselamatan makanan global.

## Bioteknologi penyelamat cabaran keselamatan makanan

**SAUDARA PENGARANG,**

**BARU-BARU** ini, negara menghadapi cabaran keselamatan makanan, iaitu kekurangan beras putih. Bioteknologi muncul sebagai penyelamat yang mampu menawarkan penyelesaian inovatif untuk memastikan keselamatan makanan global. Dengan menyepadukan pengetahuan biologi dan teknologi, ia mampu memanfaatkan kuasa organisma hidup dan sistemnya untuk membangunkan teknologi yang meningkatkan kandungan nutrisi serta menguatkan tumbuhan daripada perosak selain penyakit.

Salah satu sumbangan utama bioteknologi kepada keselamatan makanan terletak pada keupayaannya untuk meningkatkan hasil tanaman. Melalui pengubahsuaian genetik dan teknik pembiakan, saintis mampu membangunkan tanaman dengan ketahanan yang lebih baik terhadap tekanan alam sekitar seperti kemarau, suhu melampau dan kemasinan tanah.


Tumbuhan yang diperkaya secara genetik membangunkan mekanisme untuk mengoptimumkan penggunaan air dan membolehkan tanaman bertahan dalam musim kering yang berpanjangan.

Selain itu, bioteknologi melengkapkan tanaman dengan pertahanan semula jadi terhadap perosak dan penyakit serta mengurangkan pergantungan kepada racun kimia. Melalui kejuruteraan genetik, tanaman boleh diperkuuh dengan ciri-ciri rintangan yang menjadikannya kurang terdedah kepada serangan serangga perosak dan patogen yang berbahaya.

Di samping itu, bioteknologi memudahkan biofortifikasi, iaitu proses tanaman diperkaya dengan nutrien penting.

Kaedah pembiakan tradisional memakan masa yang agak lama. Justeru bioteknologi

**NURHAZIRAH MD. ROZI**  
Universiti Teknologi Mara (UiTM)



# Bioteknologi penyelamat cabaran keselamatan makanan

**SAUDARA PENGARANG,**

**BARU-BARU** ini, negara menghadapi cabaran keselamatan makanan, iaitu kekurangan beras putih. Bioteknologi muncul sebagai penyelamat yang mampu menawarkan penyelesaian inovatif untuk memastikan keselamatan makanan global. Dengan menyepadukan pengetahuan biologi dan teknologi, ia mampu memanfaatkan kuasa organisma hidup dan sistemnya untuk membangunkan teknologi yang meningkatkan kandungan nutrisi serta menguatkan tumbuhan daripada perosak selain penyakit.

Salah satu sumbangan utama bioteknologi kepada keselamatan makanan terletak pada keupayaannya untuk meningkatkan hasil tanaman. Melalui pengubahsuaian genetik dan teknik pembiakan, saintis mampu membangunkan tanaman dengan ketahanan yang lebih baik terhadap tekanan alam sekitar seperti kemarau, suhu melampau dan kemasinan tanah.

Tumbuhan yang diperkaya secara genetik membangunkan mekanisme untuk mengoptimumkan penggunaan air dan membolehkan tanaman bertahan dalam musim kering yang berpanjangan.

Selain itu, bioteknologi melengkapkan tanaman dengan pertahanan semula jadi terhadap perosak dan penyakit serta mengurangkan pergantungan kepada racun kimia. Melalui kejuruteraan genetik, tanaman boleh diperkuuh dengan ciri-ciri rintangan yang menjadikannya kurang terdedah kepada serangan serangga perosak dan patogen yang berbahaya.

Di samping itu, bioteknologi memudahkan biofortifikasi, iaitu proses tanaman diperkaya dengan nutrien penting.

Kaedah pembiakan tradisional memakan masa yang agak lama. Justeru bioteknologi



**Tumbuhan yang diperkaya dengan secara genetik membangunkan mekanisme untuk mengoptimumkan penggunaan air dan membolehkan tanaman bertahan dalam musim kering yang berpanjangan."**

mampu mempercepatkan proses ini melalui teknik pembiakan dengan bantuan penanda dan penyuntingan gen CRISPR. Kaedah pembiakan yang lebih cepat ini tidak akan menjadikan kekuuhan tanaman yang dibangunkan.

Kemajuan ini membolehkan saintis menentukan ciri-ciri yang dikehendaki dan membuat pengubahsuaian genetik yang tepat dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk membangunkan tanaman dengan ciri-ciri yang lebih baik. Gabungan alat bioteknologi dengan kebijaksanaan tradisional menjadikan penuaan tanaman yang lebih cepat dan mampu.

Oleh sebab tanah pertanian yang semakin berkurangan, bioteknologi menawarkan penyelesaian inovatif untuk mengatasi batasan tanah. Contohnya pertanian menegak, ia mampu mengoptimumkan pertumbuhan tanaman dan meningkatkan pengeluaran serta mampu berfungsi sebagai rumah hijau.

**NURHAZIRAH MD. ROZI**  
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Utusan Malaysia  
SELASA • 13 FEBRUARI 2024 | 25

## IPR-INTAN@UPM: Bekal ilmu perniagaan tani

**PENGANJURAN** Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Usahawan Tani (IPR-INTAN) di Universiti Putra Malaysia (UPM) (IPR-INTAN@UPM) bukan sekadar untuk melahirkan petani moden malah bagi membekalkan ilmu perniagaan kepada peserta untuk dimanfaatkan di masa hadapan.

Program itu adalah kerjasama UPM dan Kementerian Ekonomi yang melibatkan peserta golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui pertanian berteknologi tinggi.

Perkara ini adalah sejajar hasrat negara untuk memperkuatkhan bekalan makanan negara yang kini kian meruncing atas faktor larangan eksport di sesetengah negara.

Sungguhpun program ini memberi fokus mengenai pertanian dan akuakultur, namun peserta turut diterapkan ilmu perniagaan tani dalam membantu pasaran produk secara berkesan dan betul di masa depan.

Tenaga pengajar, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), UPM, Prof. Dr. Rozanah Ab Rahman, berkata, penyampaian ilmu keusahawanan yang digarap dalam program ini bagi membina minda perniagaan peserta secara dinamik.

"Pengajaran asas perniagaan ini adalah penting untuk memulakan perniagaan kerana menyentuh hal ehwal perniagaan serta persediaan membawa hasil tanaman itu

**“Program itu adalah kerjasama UPM dan Kementerian Ekonomi yang melibatkan peserta golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui pertanian berteknologi tinggi.”**

produk itu berjaya di pasaran. "Untuk sesuatu produk itu sempurna ia mempunyai teknik, jadi kita sebagai tenaga pekerja perniagaan adalah baik untuk memahami penghasilan produk berkualiti itu perlu dalam menjayakan penjenamaan."

"Selain itu, para peserta turut mempelajari beberapa modul pengajaran secara teori iaitu modul tanaman, modul ternakan akuakultur dan modul keusahawanan. Latihan amali turut dijalankan melalui kolaborasi bersama rakan strategik industri," katanya.

Sementara itu, tenaga pengajar modul tanaman, Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab, menekankan kepentingan peserta untuk mengikuti latihan ini kerana ia adalah pengetahuan asas untuk mengetahui cara penanaman yang betul bagi sesuatu tanaman.

Modul yang dibangunkan untuk IPR-INTAN diolah menggunakan modul yang dibangunkan dari Program Inkubasi Usahawantani Fakulti Pertanian, UPM.

Tambah beliau, program itu sangat baik untuk membantu golongan B40 meningkatkan ekonomi mereka serta secara langsung menjadi solusi bagi menjamin isu sekuriti makanan negara.

"Selain teori ilmu pertanian, peserta diajar praktikal secara intensif yang akan membantu mereka mendapat manfaat di lapangan kelak," katanya.

**PESERTA IPR-INTAN@UPM diberikan tunjuk ajar ketika menjalankan aktiviti pertanian.**



Utusan Malaysia  
SELASA • 13 FEBRUARI 2024 | 25

## IPR-INTAN@UPM: Bekal ilmu perniagaan tani

**PENGANJURAN** Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) Usahawan Tani (IPR-INTAN) di Universiti Putra Malaysia (UPM) (IPR-INTAN@UPM) bukan sekadar untuk melahirkan petani moden malah bagi membekalkan ilmu perniagaan kepada peserta untuk dimanfaatkan di masa hadapan.

Program itu adalah kerjasama UPM dan Kementerian Ekonomi yang melibatkan peserta golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui pertanian berteknologi tinggi.

Perkara ini adalah sejajar hasrat negara untuk memperkuatkhan bekalan makanan negara yang kini kian meruncing atas faktor larangan eksport di sesetengah negara.

Sungguhpun program ini memberi fokus mengenai pertanian dan akuakultur, namun peserta turut diterapkan ilmu perniagaan tani dalam membantu pasaran produk secara berkesan dan betul di masa depan.

Tenaga pengajar, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), UPM, Prof. Dr. Rozanah Ab Rahman, berkata, penyampaian ilmu keusahawanan yang digarap dalam program ini bagi membina minda perniagaan peserta secara dinamik.

"Pengajaran asas perniagaan ini adalah penting untuk memulakan perniagaan kerana menyentuh hal ehwal perniagaan serta persediaan membawa hasil tanaman itu

**“Program itu adalah kerjasama UPM dan Kementerian Ekonomi yang melibatkan peserta golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui pertanian berteknologi tinggi.”**

produk itu berjaya di pasaran. "Untuk sesuatu produk itu sempurna ia mempunyai teknik, jadi kita sebagai tenaga pekerja perniagaan adalah baik untuk memahami penghasilan produk berkualiti itu perlu dalam menjayakan penjenamaan."

"Selain itu, para peserta turut mempelajari beberapa modul pengajaran secara teori iaitu modul tanaman, modul ternakan akuakultur dan modul keusahawanan. Latihan amali turut dijalankan melalui kolaborasi bersama rakan strategik industri," katanya.

Sementara itu, tenaga pengajar modul tanaman, Dr. Puteri Edaroyati Megat Wahab, menekankan kepentingan peserta untuk mengikuti latihan ini kerana ia adalah pengetahuan asas untuk mengetahui cara penanaman yang betul bagi sesuatu tanaman.

Modul yang dibangunkan untuk IPR-INTAN diolah menggunakan modul yang dibangunkan dari Program Inkubasi Usahawantani Fakulti Pertanian, UPM.

Tambah beliau, program itu sangat baik untuk membantu golongan B40 meningkatkan ekonomi mereka serta secara langsung menjadi solusi bagi menjamin isu sekuriti makanan negara.

"Selain teori ilmu pertanian, peserta diajar praktikal secara intensif yang akan membantu mereka mendapat manfaat di lapangan kelak," katanya.

## Dalam Negeri

# Panasnya Perlis, suhu cecah 39 darjah celsius

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Penduduk di negeri ini berdepan cuaca panas melampau yang mencecah 38 sehingga 39 darjah celsius sekali gus menyebabkan mereka sentiasa memerlukan bekalan air.

Fenomena tersebut juga menyebabkan daun-daun pokok mula kering dengan cuaca panas tersebut juga berlarutan sehingga waktu petang dengan sedikit berangin pada waktu malam.

Seorang pemilik kedai makan, Abdul Asmawi Abd. Halim, 29, berkata, cuaca kali ini agak panas berbanding tahun-tahun sebelum ini dengan dijangka akan berterusan sehingga April.

Katanya, dalam tempoh seka-

rang, dia sekurang-kurangnya minum air antara tiga ke empat botol sehari bagi mengelak dehidrasi.

Malah katanya, apabila berada di rumah, dia sentiasa menghidupkan pendingin hawa dengan bil sudah melonjak sehingga RM300 sebulan.

"Cuaca kali ini sangat panas, pukul 10 pagi bahang juga sudah terasa dengan keadaan bertambah panas antara pukul 1 tengah hari sehingga lima petang. Jika tidak ada apa-apa urusan, saya akan lebih banyak di rumah.

"Musim panas ini juga, ramai kanak-kanak mula demam yang kadang-kala tidak tahan dengan keadaan cuaca panas kali ini.

"Malah dijangka cuaca pada Rabu ini yang difahamkan pada kadar 37 darjah celsius dan akan

terasa bahangnya seperti 42 darjah celsius.

"Lazimnya kami penduduk di Perlis sudah biasa dengan cuaca panas namun kali ini bahang panas ini agak luar biasa," katanya.

Seorang lagi penduduk, Muhammad Aiman Izzudin Asri, 25, berkata, berada di rumah juga seolah-olah seperti berada di luar memandangkan bahangnya cukup panas.

Ujarnya, cuaca pada kali ini lebih panas berbanding tahun lalu di mana sebelum ini meskipun panas namun masih berangin.

"Kesian juga dengan anak di rumah yang sentiasa berpeluh dan saya sentiasa membekalkan lebih banyak air masak untuk diminum," katanya.



**ABDUL** Asmawi Abd. Halim sentiasa membawa bekalan air berikutan cuaca panas mencecah sehingga 39 darjah celsius di Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB



**12** [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) [@hmetromy](#) [HarianMetro](#) [@hmetromy](#)

Selasa 13.02.2024 | Harian Metro

**lokal**

**Serdang**

**IPR-INTAN**

# Tilapia miskin tegar!

**S**pesies ikan yang mudah diuruskan, memiliki daya tahan tinggi dan cepat membesar menjadi faktor tilapia merah dijadikan ikan ternakan dalam sangkar untuk diusahakan peserta projek Inisiatif Pendapatan Rakyat Inisiatif Usahawan Tani (IPR-Intan) bagi sektor aquakultur di Pusat Pembentahan Ikan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Berkongsi mengenai projek berkenaan, Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian UPM Dr Fadhil Syukri berkata, lima peserta IPR-Intan yang juga kumpulan pertama projek itu, sedang mengusahakan ternakan tilapia dalam bidang genetik aquakultur dan pembiakbaikan.

"Bila ikan sudah capai saiz besar, maka kita anggar seorang peserta akan urus lapan sangkar ikan. Keseluruhannya, kita target 1,000 ekor dalam satu sangkar," katanya yang mempunyai kepakaran dalam bidang genetik aquakultur dan pembiakbaikan.

Mereka ini mengikuti kelas bimbingan pada November dan Disember lalu. Bila kita pasti mereka betul-betul faham, baru mula dengan latihan amali iaitu menguruskan ikan dalam sangkar pada Disember.

"Kita mula dengan ikan tilapia, ketika itu saiz (ketika) dilepaskan dalam sangkar) antara dua dan tiga inci. Satu sangkar kita lepaskan 2,000 ekor anak ikan," katanya ketika dijumpai Bernama di Pusat Pembentahan Ikan UPM.

IPR-Intan adalah strategi serampang dua mata dengan sasaran meningkatkan pendapatan peserta dan memberi pendedahan mengenai pertanian pintar berteraskan Internet Ke-bendaan (IoT).

Fadhil yang berpengalaman selama

**Tilapia ini nanti kita tolak RM10. Satu sangkar boleh dapat hasil hingga satu tan, jadi satu sangkar dianggarkan dalam RM10,000 hasil jualan,"**

**SEBANYAK 2,000 anak ikan tilapia dilepaskan ke dalam satu sangkar untuk diusahakan peserta IPR-Intan.**

IoT. Bila ada mesin makanan automatik, ikan akan diberi makanan iaitu dedak ikut kesesuaian contohnya tiga atau empat jam sekali. Bila kerap bagi makanan, ikan tidak lapar dan bantu tumbesaran,"

katanya menambah dedak itu diperbuat daripada campuran baja ikan, serbuk ikan, jagung dan soya.

Mengenai potensi pasar tilapia yang diusahakan peserta IPR-Intan itu, Fadhil berkata, spesies

berkenaan menjanjikan pendapatan lumayan buat peserta kerana ia sentiasa mendapat permintaan di pasaran negara.

"Tilapia ini nanti kita tolak RM10. Satu sangkar boleh dapat hasil hingga satu tan, jadi satu sangkar dianggarkan dalam RM10,000 hasil jualan,"

Menjanjikan pendapatan lumayan buat peserta kerana ia sentiasa mendapat permintaan di pasaran negara.

"Insha-Allah banyak penyelidikan yang UPM akan buat pada masa depan dan kami akan hasilkan lebih banyak benih ikan yang boleh dimanfaatkan peserta IPR-Intan," katanya.

Mengenai proses penyertaan IPR-Intan, beliau berkata, program itu terbuka kepada golongan miskin tegar dan B40 yang ingin meneroka teknologi baharu dalam bidang pertanian dan mendapatkan bimbingan daripada pakar bidang pertanian pintar UPM dalam meningkatkan pendapatan masing-masing.

**SERAMAI lima peserta IPR-INTAN yang juga kumpulan pertama projek berkenaan mengusahakan ternakan tilapia dalam sangkar di Pusat Pembentahan Ikan, UPM, Serdang.**

38 Niaga!

Kosmo! SELASA 13 FEBRUARI 2024

# MAHA Buffet saji 200 menu lazat

PETALING JAYA - MAHA Buffet 2024, pesta makanan terbesar yang bakal diadakan pada 14 Mac hingga 8 April ini bakal dianjurkan dengan lebih meriah melibatkan lebih banyak menu makanan bersesuaian untuk memenuhi selera pelanggan ketika berbuka puasa dalam bulan Ramadan.

Bagi merealisasikan program yang akan diadakan di MAEPS, Serdang dalam skala yang besar kali ini, dua buah restoran terkenal iaitu Restoran Mak Kimbong dan Experiment Kitchen akan bergabung untuk menghidangkan lebih daripada 200 menu di bawah konsep makanan jalanan di bawah satu bumbung.

Terdapat juga lebih 20 gerai masakan secara live cooking akan menjadi faktor penarik kepada pengunjung dan mereka juga akan dapat merasai air tangan selebriti Karl Shafeek Ibrahim yang menjadi duta Maha Buffet 2024.

Beliau juga akan menyediakan sebanyak 10 menu sepanjang



TERDAPAT lebih daripada 200 menu yang akan disajikan pengunjung pada harga serendah RM89.90 seorang.

program tersebut berlangsung.

Pemilik Experiment Kitchen, Muhammad Hazim Yahaya berkata, melalui ruang dewan yang besar di sini pihaknya berkeyakinan ia akan dapat memenuhi pertambahan pengunjung yang datang ke program tersebut.

"Kami juga akan sediakan ruang permainan untuk kanak-

kanak, ruang solat berjemaah yang luas, terdapat juga gerai beli-belah untuk keperluan hari raya dan kios memotong rambut secara percuma," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Selain itu, pemilik Restoran Mak Kimbong, Khairul Amilin Abdul Rahman berkata, pihaknya komited untuk menjayakan



KHAIRUL AMILIN (kanan) dan Muhammad Hazim (kiri) pada sidang akhbar berhubung MAHA Buffet 2024 di Bangi baru-baru ini.

MAHA Buffet 2024 untuk memenuhi kepuasan pelanggan untuk menjamu selera bersama keluarga atau orang tersayang dan juga rakan dengan menikmati hidangan lazat di situ atau untuk menyambut hari lahir dan ulang tahun perkahwinan di situ.

"Kami turut mengadakan cabutan bertuah kepada pelanggan setiap hari yang mana mereka

yang bertuah bakal membawa pulang pelbagai hadiah antaranya seperti barang elektrik dan baukar beli-belah," ujarnya.

Tempahan untuk slot MAHA Buffet 2024 adalah RM89.90 untuk dewasa dan RM49.90 bagi kanak-kanak, manakala tempat duduk VIP pula ditawarkan pada harga RM149.90 (dewasa), RM89.90 (kanak-kanak).